

CNS6814
R PB 31-10 00192 BA006
bah

Mahathir-Jawatan
SINGKJR MEREKA YANG GUNATAKTIK BURUK DALAM UMNO, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Mereka yang terlampau ghairah untuk mendapat jawatan dalam Umno termasuk menggunakan cara-cara buruk patut disingkir daripada parti, kata Presiden 'Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Kalau orang-orang ini gunacara buruk untuk dapat tempat, saya harap perwakilan tidak akan sokong mereka, + katanya semasa mengulas mengenai kemunculan sa tu siri surat layang memburukkan pemimpin parti yang sedang disebarkan secara meluas.

Beliau berpendapat surat-surat layang itu, yang turut memburukkannya, mungkin mempunyai hubungan dengan pemilihan jawatan termasuk peringkat tertinggi Umno pada tahun depan. Beliau berkatasurat-surat layang itu-turut sampai ke tangannya.

+Nampak unsur-unsur (nak mempengaruhi pemilihan parti) itu. Ini kerana surat-surat itu cuba nak tentukan siapa yang patut disingkir dan siapa yang patut dipilih, + kata Dr Mahathir, yang juga Perdana Menteri, kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan 1,200 pemimpin bahagian daripada seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau tidak menolak kemungkinan wujudnya sikap berpuak-puak dalam Umno sekarang seperti yang berlaku menjelang pemilihan jawatan pada Perhimpunan Agung parti 1987. -- Lagi.

▼31/10/19-42MST

CNS6815
R PB 31-10 00162 BA007
bah

Mahathir - Jawatan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau yakin bahawa anggota-anggota Umno tidak mudah dipengaruhi dengan surat-surat layang berkenaan kerana parti itu tidak mudah dipecahbelahkan oleh orang-orang yang berkepentingan.

Ketika ditanya asal-usul surat layang itu, Dr Mahathir berkata: +Boleh jadi orang dalam atau orang luar yang berhajat untuk memecahbelahkan parti dengan menuliskan surat-surat layang.

+Kita tidak tahu siapa yang menulisnya. Walaupun surat itu memburukkan saya, tidak bermakna (Timbalan Presiden) Encik Ghafar pula nak buat surat layang itu ... (mereka) nak burukkan kepimpinan parti, + katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan bercadang mengambil tindakan tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana tidak tahu siapa penulisnya.

+Kalau kita tidak tahu, tak bolehlah ambil tindakan. Saya tidak tahu sama ada polis mengesan pengedar (surat layang) atau sama ada mereka buat kesalahan di bawah undang-undang negara, + katanya.

Kalau mereka melakukan kesalahan, polis bolehlah bertindak, tetapi kalau tidak, polis tidak punya peranan dalam perkara ini. -- Bernama.